

## SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL : 5/1999 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


### PELANJUTAN MATAGAJI: EB KHAS

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa beberapa matagaji dalam sukatan-sukatan gaji bagi Bahagian I, II, III, IV dan V adalah dilanjutkan seperti di **Lampiran A**.

2. Peraturan dan Syarat-syarat pemberian kenaikan gaji ke sukatan Gaji Lanjutan ialah seperti berikut:

- a. Kenaikan gaji ke Sukatan Gaji Lanjutan ini dinamakan '**EB Khas**'.
- b. Kenaikan **EB Khas** ini diberikan kepada pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan mestilah memenuhi syarat-syarat berikut:
  - i. Pegawai dan kakitangan berkenaan telah menerima gaji maksimum pada tanggagaji masakini dalam tempoh tidak kurang daripada tiga (3) tahun; dan
  - ii. Laporan Penilaian Prestasi pegawai dan kakitangan berkenaan hendaklah sekurang-kurangnya di tahap **SANGAT BAIK** dua (2) tahun berturut-turut.
- c. Tarikh kenaikan **EB Khas** bagi pegawai-pegawai kanan dalam Bahagian I dan II adalah ulangtahun tarikh lantikan atau kenaikan pangkat.
- d. Tarikh kenaikan **EB Khas** bagi pegawai dan kakitangan dalam Bahagian III, IV dan V adalah ulangtahun tarikh kenaikan gaji tahunan yang terakhir.
- e. Bagi anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei, tarikh kenaikan **EB Khas** adalah sama ada ulangtahun tarikh lantikan atau tarikh kenaikan pangkat.
- f. Pemberian kenaikan tahunan seterusnya adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang mengawal mengenainya dari masa ke semasa.

A handwritten signature is located in the bottom right corner of the page.



3. Bagi mendapatkan kenaikan EB Khas ini, Ketua Jabatan hendaklah menghadapkan sokongan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam untuk pertimbangan dengan menggunakan borang yang disediakan iaitu Borang Sokongan EB Khas seperti di **Lampiran B1**.
4. Bagi kakitangan ambilan tempatan di Pejabat Suruhanjaya/Kedutaan Besar/Perwakilan Tetap Negara Brunei Darussalam di luar negeri, Borang Khas seperti di **Lampiran B2** hendaklah digunakan; Ketua Jabatan hendaklah menghadapkan borang sokongan dan seterusnya dihadapkan kepada Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri untuk kebenaran.
5. Bagi pekerja di dalam Perkhidmatan Bergaji Hari, Borang Khas Pekerja Bergaji Hari seperti di **Lampiran B3** hendaklah digunakan; Ketua Bahagian hendaklah menghadapkan borang sokongan tersebut dan seterusnya dihadapkan kepada Ketua Jabatan untuk kebenaran.
6. Surat Keliling ini mula berkuatkuasa pada 13 Ramadhan 1419 bersamaan dengan 1 haribulan Januari 1999.

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Dato' Paduka Haji Hazair Bin Haji Abdullah".

**( DATO PADUKA HAJI HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH )**  
**Setiausaha Tetap**

Rujukan: (05) JPM/SK/1999  
Tarikh: 13 Zulkaedah 1419  
02 Mac 1999

## CARISPANDUAN PERLAKSANAAN PELANJUTAN MATAGAJI : EB KHAS

1. Sasaran penerima Caji Lanjutan ini ialah pemegang-pemegang jawatan yang telah menerima gaji maksimum tidak kurang daripada tiga (3) tahun seperti berikut:

2.	Bahagian	Jenis Perkhidmatan	Bidang Perkhidmatan
I, II, III, IV dan V Bergaji Hari	Tetap Sebulan Ke Sebulan Open Vote Bergaji Hari Kontrak	Semua bidang dalam Perkhidmatan Awam (Kecuali Agensi Pelaburan Brunei (BIA)), Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, dan Kakitangan Ambilan Tempatan ('Locally Engaged Staff') di Pejabat Suruhanjaya/ Kedutaan Besar/ Perwakilan Tetap Negara Brunei Darussalam di Luar Negeri.	

3. Tatacara perlaksanaan akan meliputi ciri-ciri berikut:

- ↳ Penekanan kepada penggunaan Borang EB Khas;
- ↳ Memperketatkan perlaksanaan Penilaian Prestasi;
- ↳ Mempastikan syarat-syarat menerima pelanjutan matagaji dengan EB Khas mestilah terlebih dahulu dipenuhi dan dibuat dengan betul dan adil;
- ↳ Pencapaian EB tidak semestinya akan menerima atau melayakkan pegawai dan kakitangan berkenaan kepada EB Khas secara automatik, masih tertakluk kepada syarat tiga (3) tahun.

4. Proses perlaksanaan (implementasi) EB Khas ini akan dilakukan seperti berikut;

- Pegawai dan kakitangan berkenaan telah menerima gaji maksimum pada tanggagaji masakini dalam tempoh tidak kurang daripada tiga (3) tahun;
- Laporan Penilaian Prestasi terakhir pegawai dan kakitangan berkenaan hendaklah sekurang-kurangnya di tahap SANGAT BAIK dua (2) tahun berturut-turut.

- Tarikh kenaikan EB Khas bagi pegawai-pegawai kanan dalam Bahagian I dan II adalah ulangtahun tarikh lantikan atau kenaikan pangkat;
- Tarikh kenaikan EB Khas bagi pegawai dan kakitangan dalam Bahagian III, IV dan V adalah ulangtahun tarikh kenaikan gaji tahunan yang terakhir;
- Bagi anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei, tarikh kenaikan EB Khas adalah sama ada ulangtahun tarikh lantikan atau kenaikan pangkat.

6. Tiga Borang Sokongan EB Khas akan digunakan iaitu:

- Borang Sokongan EB Khas Umum;
- Borang Sokongan EB Khas bagi Pekerja Bergaji Hari; dan
- Borang Sokongan EB Khas bagi Pekerja Ambilan Tempatan ('Locally Engaged Staff') di Pejabat Suruhanjaya/Kedutaan Besar/Perwakilan Tetap Negara Brunei Darussalam di Luar Negeri.

7. Pegawai dan kakitangan yang menerima gaji di sukanan gaji yang dilanjutkan, apabila dinaikkan pangkat akan dibolehkan untuk diberikan gaji di sukanan gaji yang dilanjutkan jika gaji yang diterimanya adalah melimpasi gaji maksimum dalam sukanan gaji masakini jawatan kenaikan pangkat.

*Pegawai yang menerima gaji \$1985 dalam tanggagaji D4-5 EB6 yang dilanjutkan, apabila dinaikkan pangkat ke jawatan dalam tanggagaji C1 EB 2 akan diberikan gaji sekurang-kurangnya \$1990 kerana gaji \$1985 adalah melimpasi \$1930, gaji maksimum dalam tanggagaji C1 EB 2.*

8. Perlaksanaan EB Khas ini ialah pada 1 haribulan Januari 1999.

9. Cadangan ini boleh dibatalkan apabila ada mekanisme lain diperkenalkan/ diimplementasikan bagi mengganti pelanjutan matagaji pada suatu waktu kelak.

Kategori Penerima

Tatacara Perlaksanaan

Strategi/Syarat Perlaksanaan

Tarikh Kenaikan EB Khas

Borang Sokongan EB Khas

Penetapan Caji Kerana Kenaikan Gaji

Contoh

Tarikh Kuatkuasa EB Khas

Pembatalan EB Khas

## TAFSIRAN

### PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT PEMBERIAN KENAIKAN GAJI KE MATAGAJI LANJUTAN BAGI PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG TELAH MENCAPAI GAJI MAKSIMUM

1. Kenaikan gaji ke Sukatan Gaji Lanjutan ini dinamakan ‘EB Khas’.
2. Sasaran penerima Gaji Lanjutan ini ialah pemegang-pemegang jawatan yang telah menerima gaji maksimum tidak kurang daripada tiga (3) tahun seperti berikut:

Bahagian	Jenis Perkhidmatan	Bidang Perkhidmatan
I, II, III, IV dan V	Tetap Sebulan Ke Sebulan Open Vote Bergaji Hari Kontrak	Semua bidang dalam Perkhidmatan Awam (Kecuali Agensi Pelaburan Brunei [BIA]), Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, dan Kakitangan Ambilan Tempatan ('Locally Engaged Staff') di Pejabat Suruhanjaya/Kedutaan Besar/ Perwakilan Tetap Negara Brunei Darussalam di luar negeri.

3. Jadual sukatan gaji yang disokong untuk dilanjutkan dengan mengandungi kenaikan EB Khas ialah seperti di **Lampiran A**.

Jadual Sukatan Tanggagaji

4. Proses perlaksanaan (implemantasi) EB Khas ini akan dilakukan seperti berikut:

Strategi/Syarat Perlaksanaan

- i. Pegawai dan kakitangan berkenaan telah menerima gaji maksimum pada tanggagaji masakini dalam tempoh tidak kurang daripada tiga (3) tahun; dan

- ii. Laporan Penilaian Prestasi terakhir pegawai dan kakitangan berkenaan hendaklah sekurang-kurangnya di tahap SANGAT BAIK dua (2) tahun berturut-turut.

5. Tarikh kenaikan EB Khas bagi pegawai-pegawai kanan dalam Bahagian I dan II adalah ulangtahun tarikh lantikan atau kenaikan pangkat.

Tarikh Kenaikan EB Khas

6. Tarikh kenaikan EB Khas bagi pegawai dan kakitangan Bahagian III, IV dan V adalah ulangtahun tarikh kenaikan gaji tahunan yang terakhir.

7. Bagi anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei, tarikh kenaikan EB Khas adalah sama ada ulangtahun tarikh lantikan atau tarikh kenaikan pangkat.

8. Pemberian kenaikan tahunan seterusnya adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang mengawal mengenainya dari masa ke semasa.

9. Bagi mendapatkan kenaikan EB Khas ini, Ketua Jabatan hendaklah menghadapkan sokongan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam untuk pertimbangan dengan menggunakan borang yang disediakan iaitu Borang Sokongan EB Khas seperti di **Lampiran B1**.

Tatacara Perlaksanaan:  
Borang Sokongan EB Khas


10. Bagi kakitangan ambilan tempatan di Pejabat Suruhanjaya/Kedutaan Besar/Perwakilan Tetap Negara Brunei Darussalam di luar negeri, Borang Khas seperti di **Lampiran B2** hendaklah digunakan; Ketua Jabatan hendaklah menghadapkan borang sokongan dan seterusnya dihadapkan kepada Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri untuk kebenaran.
11. Bagi pekerja di dalam Perkhidmatan Bergaji Hari, Borang Khas Pekerja Bergaji Hari seperti di **Lampiran B3** hendaklah digunakan; Ketua Bahagian hendaklah menghadapkan borang sokongan tersebut dan seterusnya dihadapkan kepada Ketua Jabatan untuk kebenaran.
12. Perkiraan tambahan matagaji ini juga tidak mengambil kira elau yang diterima.
13. Kenaikan matagaji tambahan ini diberikan kepada pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan pemberian kenaikan gaji ini juga tidak akan diberikan secara kebelakangan.
14. Pegawai dan kakitangan yang menerima gaji di sukatana gaji yang dilanjutkan, apabila dinaikkan pangkat akan dibolehkan untuk diberikan gaji di sukatana gaji yang dilanjutkan jika gaji yang diterimanya adalah melimpasi gaji maksimum dalam sukatana gaji masakini jawatan kenaikan pangkat.

**Penetapan Gaji  
Kerana  
Kenaikan Ga**

**Contoh**

*Pegawai yang menerima gaji \$1985 dalam tanggagaji D4-5 EB6 yang dilanjutkan, apabila dinaikkan pangkat ke jawatan dalam tanggagaji C1 EB2 akan diberikan gaji sekurang-kurangnya \$1990 kerana gaji \$1985 adalah melimpasi \$1930, gaji maksimum tanggagaji C1 EB2.*

#### 15. CARTA PROSES ALIRAN SOKONGAN PELANJUTAN MATAGAJI (EB KHAS)



## NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SOKONGAN EB KHAS DI BAWAH PERENGGAN 3 DARI  
 SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: /1999  
 (Untuk diisikan dalam tiga salinan)

Nama: \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan: \_\_\_\_\_ Rujukan Fail Jabatan: \_\_\_\_\_

Jawatan: \_\_\_\_\_

Tarikh Lantikan Pertama: \_\_\_\_\_

Jenis Perkhidmatan: \* Tetap/Sebulan Ke Sebulan/Open Vote/Kontrak (Tempatan/Asing)

Bahagian/Tanggagaji: \_\_\_\_\_ Gaji Sekarang: \_\_\_\_\_

Tarikh Mencapai Gaji Maksimum: \_\_\_\_\_ Gaji Disokong: \_\_\_\_\_

\* Tarikh Lantikan Bagi Bahagian I / Tarikh Kenaikan Gaji Tahunan: \_\_\_\_\_

Kenaikan Gaji Akan Bermula Dari: \_\_\_\_\_

Laporan Penilaian Prestasi:

TAHUN	TAHAP PENILAIAN PRESTASI KESELURUHAN

Saya mengesahkan bahawa keterangan di atas adalah betul dan teratur dan saya menyokong supaya pegawai tersebut di atas diberikan EB Khas.

Tarikh: \_\_\_\_\_

*Ketua Jabatan*

\* Potong yang tidak berkenaan.

Dibenarkan

*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
 Jabatan Perkhidmatan Awam*

Tarikh: \_\_\_\_\_

s.k.

Ketua Jabatan

Pengarah Perkhidmatan Kewangan (Rujukan fail T/ \_\_\_\_\_ )  
 Juruaudit Agung

## NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SOKONGAN EB KHAS DI BAWAH PERENGGAN 4 DARI  
 SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: /1999  
 - Ambilan Tempatan Bagi Luar Negeri -  
 (Untuk diisikan dalam tiga salinan)

Nama: \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan: \_\_\_\_\_ Rujukan Fail Jabatan: \_\_\_\_\_

Jawatan: \_\_\_\_\_

Tarikh Lantikan: \_\_\_\_\_

Jenis Perkhidmatan: \_\_\_\_\_

Bahagian/Tanggagaji: \_\_\_\_\_ Gaji Sekarang: \_\_\_\_\_

Tarikh Mencapai Gaji Maksimum: \_\_\_\_\_ Gaji Disokong: \_\_\_\_\_

Tarikh Kenaikan Gaji Tahunan: \_\_\_\_\_

Kenaikan Gaji Akan Bermula Dari: \_\_\_\_\_

Laporan Penilaian Prestasi:

TAHUN	TAHAP PENILAIAN PRESTASI KESELURUHAN

Saya mengesahkan bahawa keterangan di atas adalah betul dan teratur dan saya menyokong supaya pegawai tersebut di atas diberikan EB Khas.

Tarikh: \_\_\_\_\_

*Ketua Jabatan*

Dibenarkan

*Setiausaha Tetap  
 Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri*

Tarikh: \_\_\_\_\_

s.k.

Pengarah Perkhidmatan Kewangan (Rujukan fail T/ \_\_\_\_\_ )  
 Juruaudit Agung  
 Pengarah Pentadbiran, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Borang Sokongan EB Khas: Gaji Hari

## NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SOKONGAN EB KHAS DI BAWAH PERENGGAN 5 DARI  
 SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: /1999

- -Perkhidmatan Bergaji Hari - -  
 (Untuk diisikan dalam tiga salinan)

Nama: \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan: \_\_\_\_\_ Rujukan Fail Jabatan: \_\_\_\_\_

Jawatan: \_\_\_\_\_

Tarikh Lantikan Bergaji Hari: \_\_\_\_\_

Bahagian/Tanggagaji: \_\_\_\_\_ Gaji Sekarang: \_\_\_\_\_

Tarikh Mencapai Gaji Maksimum: \_\_\_\_\_ Gaji Disokong: \_\_\_\_\_

Tarikh Kenaikan Gaji Tahunan: \_\_\_\_\_

Kenaikan Gaji Akan Bermula Dari: \_\_\_\_\_

Laporan Penilaian Prestasi:

TAHUN	TAHAP PENILAIAN PRESTASI KESELURUHAN

Saya mengesahkan bahawa keterangan di atas adalah betul dan teratur dan saya menyokong supaya pegawai tersebut di atas diberikan EB Khas.

Tarikh: \_\_\_\_\_

*Ketua Bahagian*

Dibenarkan

*Ketua Jabatan*

Tarikh: \_\_\_\_\_

s.k.

- Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
- Pengarah Perkhidmatan Kewangan (Rujukan fail T/ \_\_\_\_\_ )
- Juruaudit Agung